Al-Imam Al-Humaidi رضي الله عنه (wafat 219H)

Nama lengkap beliau adalah ‘Abdullah bin Zuber bin ‘Isa, Abu Bakar Al-Humaidi رضي الله عنه. Beliau adalah juga murid langsung dari Imam Syafi’i رضي الله عنه.

Beliaulah yang membawa dan mengembangkan Mazhab Syafi’i ketika di Makkah, sehingga beliau diangkat menjadi Mufti Makkah.

Wafat di Makkah pada tahun 219H.

Inilah di antara 11[1] orang murid-murid langsung dari Imam Syafi’i رضي الله عنه yang kemudian menjadi Ulama’ Besar dan tetap teguh memegang Mazhab Syafi’i.

Maka dengan perantaraan beliau-beliau inilah Mazhab Syafi’i tersiar luas ke pelusuk-pelusuk dunia Islam terutama ke bahagian Timur dari Hijaz, iaitu Iraq, ke Khurasan, ke Maawara An-Nahr, ke Azerbaiyan, ke Tabristan, juga ke Sind, ke Afghanistan, ke India, ke Yaman dan terus ke Hadhramaut, ke Pakistan, India dan Indonesia.

Beliau-beliau ini menyiarkan Mazhab Syafi’i dengan lisan dan tulisan. Selain dari itu ada dua orang murid Imam Syafi’i رضي الله عنه iaitu Imam Ahmad bin Hanbal رضي الله عنه (wafat 241H) yang kemudian ternyata membentuk satu aliran dalam fiqih yang bernama Mazhab Hanbali. Yang kedua Syeikh Muhammad bin ‘Abdul Hakam رضي الله عنه, seorang Ulama’ murid langsung dari Imam Syafi’i رضي الله عنه yang ilmunya tidak kalah dari Al-Buwaiti رضي الله عنه. Beliau ini pada akhir umurnya berpindah ke Mazhab Maliki dan wafat dalam tahun 268H. di Mesir.

Ulama’-ulama’, murid yang langsung dari Imam Syafi’i رضي الله عنه ini boleh dinamakan Ulama’-ulama’ Syafi’iyah, iaitu Ulama’-ulama’ Syafi’iyah ***tingkatan pertama***. Ada ***tingkatan kedua,*** iaitu Ulama’-ulama’ Syafi’iyah yang wafat dalam abad ketiga juga, tetapi tidak belajar

kepada Imam Syafi'i ﵁ sendiri, melainkan kepada murid-murid Imam Syafi'i ﵁. Ulama'-ulama' itu adalah: [(2)]

---

(1) Ulama'-ulama' 11 orang yang dimaksudkan oleh K.H Sirajuddin 'Abbas ﵁ ialah: Imam Ar-Rabi' bin Sulaiman Al-Muradi, Al-Buwaiti, Al-Muzani, Harmalah At-Tujibi, Az-Za'farani, Al-Karabisi, At-Tujibi, Muhammad bin Syafi'i, Ishaq bin Rahuyah dan Al-Humaidi ﵁.

(2) Ulama'-ulama' yang dimaksudkan oleh K.H Sirajuddin 'Abbas ﵁ ialah: Ahmad bin Syayyar Al-Marwazi, Imam Abu Ja'far At-Tirmizi, Abu Hatim Ar-Razi, Imam Bukhari, Al-Junaid Baghdad, Ad-Darimi, Imam Abu Daud ﵁ dan lain-lain.

Sumber : SEJARAH DAN KEAGUNGAN MAZHAB SYAFI'I, Oleh: K.H Sirajuddin Abbas